

15 NOV 2001

Malaysia-Guinea

KERJASAMA SELATAN LANDASAN PENTING NEGARA MEMBANGUN

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia yakin kerjasama selatan-selatan merupakan satu landasan penting kepada negara-negara membangun untuk bertukar pendapat dan berbincang antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah kerjasama itu boleh digunakan sebagai satu forum untuk mengembangkan hubungan serta meningkatkan keakraban, kepercayaan dan persahabatan di kalangan rakyat.

"Malaysia kini mempunyai pengalaman di dalam berbagai-bagai aspek pembangunan ekonomi, pengurusan sumber manusia dan di dalam bidang pentadbiran," titah baginda pada jamuan negara sempena lawatan Presiden Equitorial Guinea, Obiang Nguema Mbasogo, di Istana Negara malam ini.

Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Luar Datuk Sri Syed Hamid Albar.

Baginda bertitah Malaysia juga bersedia berkongsi pengalaman dengan Guinea dan negara-negara selatan lain dalam bidang latihan seperti yang dianjurkan menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Sultan Mizan juga berharap hubungan ekonomi antara kedua-dua negara dapat digalakkan terutama selepas syarikat-syarikat Malaysia melabur di negara itu dalam bidang pembalakan dan minyak.

Baginda berharap kejayaan pelaburan itu bakal menjadi pemangkin kepada lebih banyak pelaburan lain.

"Beta percaya bahawa adalah penting kerajaan mewujudkan satu perkongsian bijak dengan sektor swasta di mana kerajaan boleh menyediakan satu persekitaran dasar dan undang-undang yang sesuai," titah baginda.

Sultan Mizan juga gembira kerana jumlah perdagangan antara kedua-dua negara telah meningkat walaupun ia tidak mencerminkan potensi sebenar yang wujud antara kedua-dua negara.

"Jumlah perdagangan pada tahun 2000 ialah US\$2.23 juta berbanding US\$0.8 juta pada tahun 1999," titah baginda.

Oleh itu, sektor swasta perlu digalakkan supaya bergiat cergas dalam meningkatkan hubungan perdagangan di samping meninjau peluang-peluang yang wujud antara kedua-dua negara, titah baginda.

Sementara itu, Presiden Mbasogo berkata negaranya memperakui usaha dan kemajuan Malaysia hari ini.

Katanya dasar menghormati martabat serta mempromosi pembangunan ekonomi, sosial, teknikal dan saintifik telah membolehkan Malaysia menjadi negara yang makmur dan aman.

"Idea ini juga dikongsi oleh kerajaan Republik Equatorial Guinea, yang memberi keutamaan kepada menghormati sesama insan bagi membolehkan mereka menikmati hak dan kebebasan serta menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau juga menekankan pentingnya usaha untuk memperbaiki hubungan antara negara melalui dasar-dasar ekonomi dan globalisasi.

-- BERNAMA

MUN NZ LAT